

17 APR 1996

Parlimen-Akhbar

SYOR DIKAJI SEMULA KEBEBASAN AKHBAR DI MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 17 April (Bernama) -- Kerajaan disyor mengadakan satu kajian semula terhadap kebebasan akhbar dan peranan para pemberita di negara ini ke arah mewujudkan perubahan positif sejajar dengan hasrat negara untuk mencapai taraf dunia.

Dr Tan Seng Giaw (DAP-Kepong) yang membuat saranan itu pada persidangan Dewan Rakyat di sini hari ini berkata, pihak pembangkang bersetuju dengan pendapat Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim bahawa akhbar mestilah berjuang menentang penggunaan kuasa yang tidak rasional selain membangkit perdebatan mengenai isu-isu yang berkepentingan umum.

"Kami berharap YAB (Anwar) boleh menganalisis isi kandungan semua akhbar di negara ini sama ada mereka dapat mempraktik skop dan etika yang disarankan beliau itu," katanya ketika membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1995) (No.2) 1996.

Dr Tan, yang juga Naib Pengerusi Kebangsaan DAP mendakwa bahawa sejak pilihan raya umum lepas, kekangan terhadap akhbar telah bertambah dan selain keutamaan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Anwar dan menteri-menteri, isu lain sangat kurang.

"Dalam prinsip amalan negara, pembangkang menganalisis dasar dan langkah kerajaan, mengetengahkan kelemahan atau kesilapan serta mengemukakan alternatif. Ini berteraskan kepada kebebasan akhbar tetapi kupasan dan pendapat kami kurang disiarkan dalam media massa," katanya.

Perbahasannya terganggu beberapa kali apabila Ruhanie Ahmad (BN-Parit Sulong) bangun meminta penjelasan sama ada DAP telah mempraktikkan skop dan etika yang disarankan oleh Anwar itu dalam akhbarnya, "Rocket".

Dr Tan juga mencadangkan supaya kerajaan menggubal dasar yang lebih menyeluruh mengenai masalah pendatang asing di negara ini terutamanya mereka yang datang secara haram untuk bekerja di negara ini.

Mengikut angka rasmi, ada kira-kira satu juta pendatang asing di negara ini dan menurut anggaran pula jumlah itu menjangkau lebih dua juta, katanya.

Beliau berkata, kemasukan pendatang asing telah membawa pelbagai masalah sosial dan ekonomi seperti wujudnya kampung-kampung haram, eksploitasi terhadap pendatang, penyakit berjangkit dan peniaga haram, yang memberi implikasi serius kepada negara.

"Pengalaman negara-negara seperti United Kingdom, Jerman dan Perancis boleh menjadi iktibar kepada kita. Banyak pendatang asing membanjiri negara-negara itu pada tahun-tahun 50-an, 60-an dan 70-an," katanya.

Negara-negara itu sedang merasai masalahnya, kata beliau. -- BERNAMA

AFY NMO